

# Amanah komoditi- hstitusi kewangan — Mahathir

UM 2 : NOV 1987

**K**UALA LUMPUR 20 Nov — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap sebarang penyelewengan dalam pengurusan bank kerana komoditi jual-beli institusi kewangan bukanlah wang tetapi amanah. Tegas Perdana Menteri, kredibiliti dan amanah amatlah penting dalam pengurusan bank untuk menggalakkan perkembangan ekonomi negara. "Oleh kerana komoditi penting yang diperdagangkan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan ialah amanah, maka mereka mestilah menentukan bahawa sebarang janji yang dihuat akan dihormati seratus peratus," katanya semasa berucap merasmikan bangunan Arab - Malaysian di sini.

Dengan amanah ini, kata Datuk Sri Dr. Mahathir bank-bank dan institusi-institusi kewangan akan mempunyai kredibiliti dan perniagaan mereka akan lebih daripada wang yang dimiliki sebenarnya. Kata Perdana Menteri, mereka yang menggunakan

institusi kewangan untuk menyimpan, meminjam atau menggunakan lain-lain kemudahan seperti cek, surat-surat kredit dan sebagainya berbuat demikian kerana mereka percaya kepada institusi ini.

Jika tidak, katanya, mereka tidak akan menyimpan wang mereka atau membayar dahutu atau membeli nota-nota janji atau "promissory notes" yang dikeluarkan oleh bank. Mereka hanya mendapat kertas atau surat yang dengan sendirinya tidak mempunyai harga.

Kata Perdana Menteri, apa yang menentukan nilai bagi kertas-kertas ini ialah kepercayaan bahawa bank akan menunaikan janji yang terdapat dalam kertas-kertas itu. Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, bank dan institusi kewangan tidak akan menjadi badan perniagaan jika mereka tidak mempunyai pengurus, pegawai eksekutif dan kakitangan yang beramanah.

"Hanya apabila sesebuah bank itu terkenal sebagai sebuah institusi kewangan yang mempunyai pengurusan dan kakitangan yang heramanah, batulah bank itu mempunyai kredibiliti dan boleh berfungsi sebagai sebuah bank.

"Pengurusan bank mestilah tegas dalam soal amanah ini.

Tiada maaf bagaimana-mana kaktangan bank yang mengabaikan kepercayaan pelanggan. Tindakan mestilah diambil dengan segera," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Tegas beliau, negara juga tidak boleh membiarkan pengurusan bank yang tidak jujur kerana seluruh masyarakat perniagaan dan pengusaha tidak akan mengadakan hubungan dengan sebuah negara yang terkenal dengan anggota bank yang tidak beramanah. Dalam pada itu, Datuk Sri, Dr. Mahathir juga menekankan peranan penting yang harus didokong oleh institusi-institusi kewangan sebagai salah satu badan swasta dalam perkembangan ekonomi masa depan negara ini.

Kerajaan, katanya, pernah menyeru institusi-institusi kewangan supaya membantu usaha pemulihan perniagaan yang menghadapi masalah aliran wang tunai dewasa ini. Bank-bank telah digalakkan bersikap "menampung" dengan tidak menutup sesuatu perniagaan, sebaliknya membantu perniagaan-perniagaan yang mempunyai prospek masa depan yang baik dan berdaya maju.

Katanya, bank-bank saudagar mempunyai peranan tersendiri berkaitan dengan pasaran cagaran kedua (secondary mortgage market). Bank-bank ini diharapkan akan memainkan peranan aktif dalam membangun dan mempertingkatkan perdagangan baru yang berasaskan cagaran kedua ini.

Kerajaan telah menubuhkan Cagamas Berhad, iaitu sebuah perbadanan yang akan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pasaran kedua ini.